

**Sambutan Bulan Kemerdekaan Negara Di Melaka Semakin Meriah
Bernama
21 Ogos 2011**

MELAKA, 21 Ogos (Bernama) -- Sambutan Bulan Kemerdekaan di Melaka semakin meriah dengan penganjuran pelbagai program yang melibatkan segenap lapisan masyarakat.

Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan, Penerangan, Perpaduan dan Pengguna Negeri Datuk Ghazale Mohamad berkata daripada segi pengibaran bendera Jalur Gemilang, kesemua empat pihak berkuasa tempatan di negeri ini sudah memasang Jalur Gemilang di tiang lampu jalan, premis perniagaan dan mengedarkannya kepada orang ramai.

Jabatan kerajaan seperti Jabatan Penerangan juga mengedarkan banyak Jalur Gemilang kepada orang ramai serta pertubuhan bukan kerajaan agar mereka bersama-sama memeriahkan sambutan Bulan Kemerdekaan Negara ke-54 ini, katanya.

Ghazale berkata demikian kepada Bernama pada Kembara Merdeka Jalur Gemilang Ramadan 2011 Beri Baju Raya kepada pelajar Sekolah Tahfiz Ribath Sheikh Al Jallani, Serkam dekat sini, hari ini.

Pada majlis itu, Jabatan Penerangan dengan kerjasama Alumni Sekolah Tinggi Perempuan Melaka dan sekumpulan sukarelawan yang menggelarkan diri mereka "Sehelai Baju Buat Menyapu Si Air Mata" menyampaikan baju raya dan makanan kepada 20 pelajar lelaki sekolah itu.

Ghazale berkata program lain yang dirancang ialah acara perbarisan dan perarakan sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-54 peringkat negeri Melaka di pekarangan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan Negara di Bandar Hilir pada 16 Sept.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=609409>